

Siaran Segera

**KENYATAAN MEDIA**

**SWM KASIH CERIAKAN 28 ORANG WARGA EMAS SAMBUT TAHUN BARU CINA**

---

**NILAI, 16 JANUARI 2020** – SWM Kasih entiti tanggungjawab sosial korporat SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment), telah menceriaikan 28 orang warga emas yang berusia di antara 54 tahun hingga 82 tahun di Pertubuhan Kebajikan Amal Charis, bersempena dengan sambutan perayaan Tahun Baru Cina yang bakal tiba tidak lama lagi.

“Setiap tahun, SWM Kasih Misi Sampul Merah mengingati golongan warga emas yang pernah memberikan sumbangan terhadap pembangunan dan kemajuan negara. Mereka seharusnya diraikan dan diberikan perhatian daripada golongan muda bagi menghargai jasa bakti mereka selama ini,” kata Pengarah Eksekutif, SWM Environment Sdn Bhd, Dr Uzir Bin Abdul Malik.

Tambah beliau lagi, upacara menggaul *Yee Sang* adalah acara wajib sukarelawan SWM Kasih yang terdiri daripada kakitangan SWM Environment bersama-sama dengan warga emas meraikan sambutan perayaan Tahun Baru Cina dalam keadaan harmoni, ceria, serta riang gembira.

SWM Environment turut menyampaikan sumbangan kepada Pertubuhan Kebajikan Amal Charis seperti barangan keperluan harian, limau mandarin, sumbangan tunai bernilai RM1,000 dan *ang pau* serta beg cenderahati kepada warga emas yang mendiami pusat jagaan tersebut.

SWM Kasih adalah entiti yang mewakili pihak syarikat bergerak untuk mendekati golongan sasaran dalam kalangan komuniti setiap kali perayaan utama menjelang tiba dengan menyampaikan sumbangan di samping menceriaikan golongan sasaran agar tidak dipinggirkan oleh masyarakat.

Aktiviti ini juga mendidik kakitangan SWM Environment agar sentiasa lebih prihatin terhadap komuniti setempat yang memerlukan perhatian dan kasih sayang daripada masyarakat luar.

**-TAMAT-**

---



### **SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1997 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.98 juta orang bagi liputan geografi 27,400 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAR3CYCLE, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAR3CYCLE menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian atau jaringan dompet elektronik (*e-wallet*) Boost untuk berbelanja dengan pedagang yang tersedia di bawah sistem pembayaran secara elektronik (*e-payment*). Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAR3CYCLE melalui *Google Play* atau *Apple Store*. Sila layari laman web: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.